

## SYARAT –SYARAT DAN PERATURAN:

- Peraduan ini terbuka kepada Warganegara Malaysia (kecuali urusetia dan ahli keluarga terdekat).
- Peserta boleh menghantar sehingga lima (5) penyertaan yang lengkap (borang fotostat juga diterima).
- Imej hendaklah di cetak berukuran 8RW (8"x12") dan dilekatkan di atas 'mounting board' bersaiz A3 dan bewarna seperti berikut:

**Kategori A: 'mounting board' bewarna hitam**

**Kategori B: 'mounting board' bewarna biru**

**Kategori C: 'mounting board' bewarna putih**

- Para peserta juga diminta menyerahkan bukti penyertaan gambar asal tersebut dalam format digital dalam bentuk CD/DVD, berformat JPEG atau Tiff dengan resolusi minimum 300 dpi dan melabelkan nama peserta disetiap tajuk imej (soft copy) yang dihantar.
- Imej yang dihantar untuk penyertaan hendaklah hasil kerja asal/asli peserta termasuk hakcipta dan tidak pernah disiarkan dalam mana-mana penerbitan. Penggunaan kreativiti orang ketiga adalah dilarang di mana penyertaan terbatal secara automatik.
- Imej hendaklah diambil di dalam kawasan FRIM Kepong, Stesen Penyelidikan FRIM Pasoh, Negeri Sembilan, Stesen Penyelidikan FRIM Bidor, Perak ataupun di Stesen Penyelidikan FRIM Mata Ayer, Perlis. Peserta bebas mengambil apa jua gambar yang boleh menggambarkan FRIM seperti bangunan, landskap, flora/fauna dan pemandangan. Imej yang dihantar untuk pertandingan hendaklah dirakam ketika tempoh masa pertandingan berlangsung.
- Pengadil dibuat berdasarkan keaslian imej, teknik dan kreativiti yang menarik. Imej yang memenuhi kriteria ini akan menjadi pemenang. Pengubahsuaian gambar seperti kesan khas dan pengubahsuaian digital tidak dibenarkan.
- Setiap penyertaan hendaklah dilabelkan dengan jelas di belakang gambar yang dihantar dengan tajuk, lokasi, nama peserta, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon untuk dihubungi.
- Gambar yang dihantar tidak akan dikembalikan. Semua penyertaan adalah menjadi hak milik Pihak Penganjur yang mempunyai hak mutlak untuk mencetak semula, menyiar atau mempamerkan tanpa notis atau bayaran kepada peserta.
- Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan ke atas barang-barang, hasil seni, model, individu atau objek yang terlihat dalam imej dan sebarang kemalangan diri sewaktu mengambil gambar.
- Sebarang kos terlibat ditanggung oleh peserta sepenuhnya.
- Kegagalan mematuhi sebarang syarat dan peraturan pertandingan akan mengakibatkan penyertaan terbatal dengan serta merta.
- Keputusan kemenangan akan diumumkan melalui laman web [www.frim.gov.my](http://www.frim.gov.my), melalui surat-menyurat, panggilan telefon atau email.
- Penyertaan adalah percuma, tiada sebarang bayaran dikenakan. Setiap penyertaan hendaklah dilengkapkan bersama borang pengisytiharan pengesahan bahan seperti yang disertakan.
- Semua penyertaan hendaklah dihantar melalui pos atau dihantar sendiri ke Urusetia Pertandingan selewat-lewatnya pada jam 12 tengahari, 30 September 2012.
- Borang penyertaan boleh diambil melalui Urusetia Pertandingan, Unit Pengurusan Korporat FRIM ataupun boleh dimuat turun dari [www.frim.gov.my](http://www.frim.gov.my). Walau bagaimanapun peserta perlu datang ke Urusetia Pertandingan, Unit Pengurusan Korporat FRIM untuk mendapatkan cop pengesahan dan kebenaran masuk ke FRIM untuk mengambil gambar pertandingan.
- Dengan menyertai pertandingan ini, peserta adalah bersetuju dengan syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.
- Keputusan pengadil adalah muktamad dan sebarang ketidakpuasan yang berbangkit tidak akan dilayan.

(Potong dan lekat di belakang gambar yang dihantar)

## BORANG PENGISYTIHARAN/PERAKUAN PESERTA:

Sempena Penyertaan saya dalam Pertandingan Fotografi FRIM 2012, bertemakan 'UNIKNYA FRIM', saya dengan ini mengisytiharkan bahawa:

1. Saya adalah pemilik sah bagi gambar yang dihasilkan.
2. Saya membenarkan dan memberikan hak kepada FRIM untuk menggunakan atau digunakan semula, mencetak atau ulang cetak/gambar/imej yang telah saya kemukakan dalam pertandingan ini tanpa sebarang tuntutan/bayaran.
3. Saya telah mendapatkan kebenaran dari model/orang/individu yang terlibat dalam imej yang dihantar. Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa saya melindungi FRIM dan penganjur dari sebarang ganti rugi atau tuntutan undang-undang hasil dari kerja fotografi saya.
4. Saya telah mengikut dan mematuhi syarat dan peraturan pertandingan ini.

Tandatangan:.....

Tarikh :.....

## BUTIRAN PESERTA:

Nama : .....

No. KP : ..... Umur : .....

Pekerjaan : ..... Warganegara : .....

Alamat : .....

.....

Tel (Pej) : ..... Tel (Rumah) : .....

Tel (HP) : .....

Email : .....

Tajuk Gambar : .....

Lokasi Gambar : .....

Tarikh Gambar diambil : .....

Hantar penyertaan sebelum atau selewat-lewatnya pada 30 September 2012 kepada:

**Urusetia Pertandingan Fotografi FRIM 2012**  
**Unit Pengurusan Korporat**  
**Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**  
**52109 Kepong, Selangor.**  
**[www.frim.gov.my](http://www.frim.gov.my)**

**Sebarang pertanyaan, sila hubungi Urusetia:**  
**03-62797591, 62797577, 62797529**